

26/08/1999

Lima 99 pamer 40 jet pejuang

KUALA LUMPUR, Rabu - Kira-kira 40 jet pejuang, helikopter dan pesawat latihan Russia akan dipamerkan di Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (Lima '99), bermula 30 November hingga 5 Disember ini.

Penganjur pameran itu, Le Proton Lima kini berusaha untuk memastikan pameran berkenaan menjadi kenyataan dan setakat ini 15 pesawat buatan Russia sudah mengesahkan menyertainya.

Pengerusi Eksekutif Le Proton, Datuk Radzi Manan, berkata pegawai Kementerian Pertahanan kini sedang berunding dengan Kementerian Pertahanan Russia untuk membawa pesawat pasukan tentera Russia, Russian Knights, ke sini.

"Selain itu, sebuah syarikat pengeluar pesawat, Ulan Ade Aviation Plant, juga menunjukkan minat untuk menghantar helikopter bagi menyertai pameran itu.

"Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melawat kilang itu ketika lawatannya ke Republik Buryatia minggu lalu," katanya di majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara Le Proton dan New Straits Times (NST) bagi melantik NST sebagai akhbar rasmi pameran itu, di sini hari ini.

Beliau menandatangani perjanjian itu mewakili Le Proton, manakala NST oleh Pengarang Kumpulannya, Ahmad A Talib. NST menjadi akhbar rasmi pameran itu sejak ia pertama kali diadakan pada 1991.

Sementara itu, Ahmad berkata pihaknya berharap hubungan baik antara kedua pihak yang bermula sejak 1991 itu akan berterusan.

"Siri pameran itu tidak hanya mempamerkan kejayaan industri aeroangkasa dan maritim di negara ini, tetapi juga mampu mempromosi Langkawi kepada pelancong dalam dan luar negara," katanya.

Setakat ini, lebih 700 syarikat dari 42 negara termasuk Romania, Ukraine, Norway dan Kazakhstan bersetuju menyertai pameran itu.

(END)